

# Tun M bidas tuduhan kita kasari pendatang

BH - 22/7/2020 m/s: 9

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad menyelar sikap pihak asing yang mudah melemparkan tuduhan ke atas Malaysia, kononnya mengamalkan dasar keras terhadap pendatang.

Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, isu pendatang asing menjadi masalah di seluruh dunia apabila golongan berkenaan berhijrah dan mencari penghidupan baharu di negara maju.

Beliau berkata masalah penghijrahan pendatang, khususnya dari negara tidak maju berupaya menjadi semakin meruncing sekiranya tiada langkah kawalan berkaitan dilaksanakan.

“Walaupun kita memberi layanan yang baik, ada juga kes yang ternampak seolah-olah kita tidak bertimbang rasa.

“Saya sedar bahawa pendatang asing tanpa izin menimbulkan banyak masalah, terutama ketika wabak COVID-19. Mereka takut memperkenalkan diri kerana akan dihantar balik.

“Tetapi mereka hendaklah dikenal pasti supaya tidak jadi kluster COVID-19. Orang asing mudah tuduh kita kasar terhadap pendatang, tetapi Eropah, Amerika Syarikat, India lebih kasar,” katanya.

Beliau juga berkata kerajaan tidak sepatutnya mengambil tindakan keras terhadap pemberita AlJazeera berikutan isu laporan stesen itu yang didakwa tidak tepat berkaitan layanan negara kepada pendatang.

“Lebih baik jika kita sampaikan laporan kita berkenaan layanan kepada pendatang asing,” katanya ketika membahaskan usul titah diraja di Dewan Rakyat, semalam.

Dokumentari bertajuk *Locked Up in Malaysia's Lockdown* berdurasi 25 minit 50 saat oleh Al Jazeera, sebelum ini men-

dakwa wujud diskriminasi membabitkan pendatang tanpa izin dari segi layanan terhadap mereka ketika Malaysia melaksanakan langkah menangani wabak COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, pada 5 Julai lalu dilaporkan berkata dakwaan itu tidak berasas kerana kerajaan sedaya upaya menyelamatkan negara daripada penularan COVID-19, tanpa mengira sama ada warganegara atau bukan warganegara.

Polis dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia sedang menyiasat kes berkenaan daripada pelbagai sudut.



BH TV